



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
كلية الدراسات الإسلامية  
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

**AL-TURATH**  
Journal of al-Quran and al-Sunnah

**AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH**

VOLUME 8 ISSUE 1 2023

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-8-no-1-2023/>


**Copyright Information:**

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

**Publisher Information:**

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: [alturathjournal@gmail.com](mailto:alturathjournal@gmail.com)

Journal QR Code :



# KAJIAN LITERATUR FAKTOR-FAKTOR KEBOLEHPASARAN PELAJAR LULUSAN ALIRAN TAHFIZ

Literature Review on Factors Affecting the Employability of Graduates from  
Tahfiz Streams

**Abd. Khalim Kasmuri,<sup>1\*</sup> Mohd Faizulamri Mohd Saad<sup>2</sup> & Mohd Nazir Kadir<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Sekolah Pengajian Islam, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Jalan Heman,  
Larkin, Johor. Malaysia.

<sup>2</sup>Pusat Kajian Al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.  
Malaysia.

Corresponding author: [abd.khalim@marsah.edu.my](mailto:abd.khalim@marsah.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2023-0801-09>

## Article history

Received:  
13/12/2022

Revised:  
08/06/2023

Accepted:  
22/06/2023

Published:  
30/06/2023

## Abstrak

Pendidikan aliran tahfiz telah menjadi tumpuan masyarakat masakini dan terdapat banyak institusi pendidikan aliran tahfiz telah diwujudkan. Justeru itu kebolehpasaran lulusan aliran tahfiz merupakan satu indikator utama dikalangan lepasan tahfiz pada masa akan datang. Namun begitu, wujud beberapa isu yang sering dipolemikkan berkaitan melanjutkan pengajian dan peluang kerjaya. Satu kajian literatur telah dijalankan bertujuan mengenalpasti faktor-faktor utama yang dibincangkan oleh para pengkaji berkaitan sistem pendidikan tahfiz dalam menjamin kebolehpasaran pelajar lulusan aliran tahfiz. Melalui kajian ini, ia dapat memberikan implikasi lebih terperinci serta terfokus kepada aspek-aspek utama yang perlu dibincang dan dikaji. Kajian ini menggunakan metod kualitatif sepenuhnya dengan menumpukan kepada hasil-hasil kajian yang lepas. Hasil dari beberapa kajian literatur mendapati bahawa dalam menjamin kebolehpasaran pelajar aliran tahfiz, setiap institusi pendidikan tahfiz seharusnya memenuhi berbagai keperluan samada dari segi pengurusan pentadbiran, sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang seragam, kemahiran penggunaan teknologi, sokongan ibu bapa pelajar dan masyarakat serta mewujudkan satu badan khas bagi mengawal selia pendidikan tahfiz. Di akhir kajian dicadangkan kepada pihak berwajib dan pihak institusi pendidikan tahfiz agar dapat memenuhi perkara-perkara tersebut demi menjamin peluang kebolehpasaran pelajar-pelajar lulusan aliran tahfiz.

**Kata Kunci:** Kebolehpasaran, Aliran Tahfiz, Keperluan Wajib Tahfiz, Pengurusan PendidikanTahfiz



### Abstract

Tahfiz education has become the focus of today's society and there are many tahfiz education institutions that have been established. Therefore, the marketability of tahfiz graduates is a key indicator among tahfiz graduates in the future. However, there are several issues that are often debated related to continuing studies and career opportunities. A literature review was conducted to identify the main factors discussed by researchers related to the tahfiz education system in guaranteeing the marketability of tahfiz graduates. Through this study, it can provide more detailed implications and focus on the main aspects that need to be discussed and studied. This study uses a fully qualitative method by focusing on the results of previous studies. The results of several literature studies found that in guaranteeing the marketability of tahfiz students, each tahfiz educational institution should meet various requirements in terms of administrative management, a uniform Teaching and Learning (T&L) system, technology use skills, support from students' parents, community and create a special body to regulate tahfiz education. At the end of the study, it is suggested to the authorities and tahfiz education institutions to be able to fulfill these matters in order to guarantee the employability of tahfiz graduates.

**Keywords: Employment prospects, Tahfiz Stream, Mandatory Requirements of Tahfiz, Management of Tahfiz Education**

### PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat yang sesuai digunakan pada semua zaman. Ia merupakan sumber rujukan utama bagi seluruh manusia yang inginkan pedoman dalam kehidupan mereka. Pada sebahagian ayatnya terdapat hukum dan metod menjelaskan bahawa Allah SWT akan memelihara Al-Quran dari segala usaha penyelewengan dan perubahan sebagaimana yang disebut dalam ayat-9, surah *al-Hijr*:

Terjemahan: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan pasti Kami (pula) yang memeliharanya”

Menghafal Al-Quran merupakan satu usaha dalam memelihara kesucianNya dan mengekalkan keaslianNya serta menangkis cubaan-cubaan pemalsuan terhadapnya. Al-Quran juga menjadikan seseorang itu dimuliakan serta diberi kelebihan, sebagaimana sabda Baginda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Barang siapa yang membaca dan menghafal Al-Quran lalu menghalalkan yang halal di dalamnya dan mengharamkan yang haram di dalamnya nescaya Allah SWT akan memasukkannya dengan sebab itu ke dalam jannah, dan menerima syafa'atnya untuk 10 orang daripada keluarganya yang kesemuanya mesti masuk ke dalam neraka”. (Riwayat al-Tirmizi).

Usaha untuk memelihara dan menghafal Al-Quran semakin giat dijalankan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan perkembangan dan minat masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat pendidikan tahfiz. Bagi memenuhi keperluan tersebut para pengusaha pusat-pusat tahfiz sekaligus mula membuka madrasah-madrasah baru. Kenyataan ini dikuatkan oleh Murihah et.al., (2015) bahawa kemunculan pusat-pusat pengajian tahfiz di seluruh negara yang semakin banyak membuktikan kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kelebihan menghafaz Al-Quran mendorong ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke pusat pengajian tahfiz bagi memenuhi tuntutan dalam mempelajari ilmu agama.

Kajian ini menumpukan dengan melihat berdasarkan isu-isu berkaitan faktor-faktor kebolehpasaran aliran pendidikan tahfiz yang mampu memberikan tenaga kerja mereka dengan baik, dari sudut menyediakan kemahiran yang baik, profesional yang menyeluruh, akhlak yang

baik juga sijil-sijil yang diiktiraf. Dapatan kajian akan digunakan untuk mengenal pasti faktor-faktor kebolehpasaran serta memfokuskan supaya lebih memantapkan lagi kelebihan yang telah wujud di madrasah atau maahad tahfiz kerajaan mahupun persendirian.

## **Latar Belakang Kajian**

Pendidikan tahfiz di Malaysia tidak asing lagi bagi masyarakat Islam di zaman moden ini. Ia tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan, sama ada diusahakan oleh pihak swasta mahupun pihak kerajaan. Menurut Muriyah et.al. (2015) kerajaan pusat telah menubuhkan kelas-kelas pengajian menghafaz al-Quran di Masjid Negara bermula pada tahun 1966 secara formal. Kajian ini juga telah menyebabkan ianya sebagai usaha dan merupakan satu titik tolak kepada perkembangan pembelajaran khususnya dalam bidang tahfiz dan amnya dalam bidang pengajian agama.

Merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh Solahuddin Ismail (2016) mengatakan bahawa teknologi yang berkembang maju di Malaysia telah berjaya di dimanfaatkan oleh sebahagian besar pusat-pusat pengajian tahfiz. Ilmu yang pelbagai telah digabungkan bersama ilmu al-Quran seperti ilmu sains digabungkan dengan ilmu akidah dan sebagainya. Ia merupakan salah satu faktor yang dilakukan dalam usaha melahirkan ulama atau huffaz yang professional bukan sahaja dalam bidang agama malah boleh juga dalam bidang-bidang ilmu yang lain.

Pada tahun 2016, Solahuddin Ismail juga telah membuat satu lagi kajian dan hasilnya menunjukkan bahawa pembelajaran yang dahulunya secara tidak formal telah bergerak secara formal, tersusun dan dibawah seliaan kerajaan untuk kelestarian dan keperluan yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Pendidikan Islam Negara yang menginginkan potensi pelajar seiring dari semua segi dalam memastikan Negara mencapai kemakmuran di dunia dan akhirat. Di sini dapat disimpulkan bahawa, seliaan dari pihak berwajib dan pengaplikasian teknologi merupakan antara faktor yang mampu menyumbang kepada keberhasilan pelajar-pelajar aliran tahfiz dalam isu kebolehpasaran mereka dalam masyarakat dan peluang pekerjaan.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini di media sosial, akhbar-akhbar, penulisan artikel jurnal banyak menyebutkan dan mengungkap hal-hal berkaitan dengan golongan tahfiz. Antaranya:

1. BH Online bertarikh 16 Februari 2016, Lembaga – (LEPAI) ada menyatakan, kajian terhadap kurikulum pengajian digabungkan telah dibuat demi menjamin masa depan pelajar-pelajar aliran tahfiz untuk melahirkan generasi huffaz profesional yang akhirnya akan memenuhi kebolehpasaran mereka dibidang pekerjaan. (<http://www.bhplus.com.my/node/125144> (11 April 2020))
2. Utusan Online bertarikh 9 Jan 2018, Zahid Hamidi ada menyatakan, kerajaan sangat komited dalam melahirkan huffaz yang disasarkan seramai 125,000 menjelang tahun 2050, berkemahiran dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu. Usaha yang dijalankan oleh kerajaan ini sangat membantu pusat-pusat pengajian tahfiz untuk diselia dan dipantau dari semasa ke semasa demi mencapai hasrat kerajaan pada tahun 2050 nanti. (<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/kerajaan-mahu-lahirkan-125000-huffaz-profesional/>(11 April 2020))
3. Naib Canselor Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said, dalam akhbar Utusan Online, bertarikh 13 Feb 2019, menyatakan bahawa UiTM membuka peluang kepada para pelajar lepasan tahfiz untuk menyambung pelajaran sebagai satu sokongan dan faktor

yang mendorong kepada penguasaan disiplin ilmu yang pelbagai sekaligus melengkapkan kehendak program Transformasi Nasional 2050 (TN50).  
(<https://www.utusan.com.my/nasional/2018/02/pelajar-lepasan-sekolah-tahfiz-ditawar-lanjutkan-pengajian-tinggi-di-uitm/> (11 April 2020))

4. BH Online, 8 Oktober 2018 Mujahid Rawa, Darul Quran melalui kerjasama dengan JAKIM, UIAM, UNITEN dan CUCMS telah melahirkan 1790 huffaz profesional dalam pelbagai bidang akademik. Ini terhasil dengan bermulanya program persijilan Tahfiz Al-Quran atau Sijil Tahfiz Malaysia (STM) pada tahun 2000 yang mensasarkan agar modal insan cemerlang dalam pelbagai bidang terhasil.  
(<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/483420/komited-lahirkan-huffaz-profesional> (11 April 2020))

Perkara tersebut menunjukkan era perkembangan pendidikan tahfiz di Malaysia mula berkembang. Ia tidak ketinggalan mengikut perkembangan globalisasi pendidikan arus perdana. Daripada apa yang kita dapat lihat bahawa institusi tahfiz pada masakini antara yang menjadi tumpuan serta semakin mendapat tempat di hati masyarakat.

Daripada pembacaan dan penelitian ini menunjukkan era perkembangan pengajian tahfiz di Malaysia telah bermula. Tidak ketinggalan juga dalam mengikut perkembangan globalisasi pendidikan seiring dengan arus perdana di mana dapat kita lihat institusi-institusi tahfiz antara institusi yang menjadi tumpuan serta mendapat tempat di hati masyarakat pada hari ini.

Satu perkara yang utama dalam merealisasikan perkara ini ialah dengan membina institusi-institusi tahfiz dan perlu disokong oleh semua pihak. Walau bagaimanapun, usaha untuk menubuhkan institusi pengajian tahfiz yang benar-benar berfungsi dan memenuhi matlamat sebenar pendidikan Islam memerlukan sejumlah para huffaz untuk menjadi pakar rujuk dalam bidang Al-Quran, membudayakan Al-Quran dalam kehidupannya dan menjadikan Al-Quran sebagai dasar dan perlembagaan diri dan negara, berupaya menghubungkan ilmu naqli dan aqli, peka dengan permasalahan ummat dan mampu menawarkan jalan penyelesaian secara Islamik. Justeru, para huffaz yang ingin dilahirkan tidak lagi terbatas untuk menjadi imam dan guru agama bahkan mereka seharusnya memasuki sektor-sektor penting negara bahkan menjadi pemimpin negara pada masa akan datang. (Noor Hisham Md Nawawi et. Al., 2017).

### **Penyataan Masalah Kajian**

Kajian ini adalah menumpukan bagaimana yang dikatakan kebolehpasaran aliran tahfiz di Malaysia. Di sebalik kewujudan Madrasah/Maahad tahfiz di seluruh Malaysia, ini boleh menjadikan persaingan pertumbuhan pendidikan aliran tahfiz. Namun dari perangkaan dari semua sisi, berlaku persaingan untuk mewujudkan institusi-institusi tahfiz yang lebih moden dan berteknologi. Perkara ini berlaku atas kesedaran masyarakat serta pihak berwajib. Setelah membaca beberapa kajian yang lepas, didapati bahawa kajian berhubung dengan pendidikan tahfiz di Malaysia telah lama dibuat serta ditulis oleh pengkaji-pengkaji. Penulis cuba membawakan beberapa kajian yang menyebutkan faktor-faktor yang menjurus kepada kebolehpasaran tahfiz itu. Antara artikel dan jurnal yang telah ditulis ialah:

1. Menurut Marzuqi Abdul Rahim et. al., (2017) dalam kajiannya mengatakan bahawa terdapat pelbagai pendekatan pengajaran yang telah digunakan oleh pensyarah tahfiz Al-Quran dalam meningkatkan pembelajaran Tahfiz dan seterusnya menghasilkan

keputusan yang baik. Hasil dari penelitian beliau, pendekatan pengajaran yang berpusatkan pelajar adalah pendekatan yang banyak digunakan oleh pensyarah-pensyarah. Namun pengajaran berpusatkan pelajar harus dipertingkatkan dengan menambahkan penggunaan teknologi dan memperbanyakkan sumber rujukan serta menyediakan waktupertemuan diluar bilik kuliah agar pengajaran tahfiz itu benar-benar memberi kesan kepada pembelajaran pelajar tahfiz.

2. Kajian terhadap institusi tahfiz semakin banyak dilakukan dalam melihat cabaran- cabaan yang dihadapi oleh para huffaz untuk mendapat tempat dalam bidang pekerjaan yang profesional. Menurut kajian Rashidi Abbas (2018), negara ketika lebih memfokuskan kearah bidang perindustrian. Keperluan Negara ini menyebabkan terbukanya pelbagai bidang pekerjaan yang perlu diberi perhatian oleh semua institusi-institusi termasuk institusi tahfiz. Oleh yang demikian, isu kebolehpasaran huffaz dalam bidang pekerjaan seharusnya diselarikan terutama dalam kurikulum seperti mengadakan subjek-subjek sains, mekanikal elektrik dan sebagainya, menambahbaik sistem pentadbiran dan pengurusan tahfiz serta menaikkan penarafan standard sijil tahfiz agar ianya sejajar dengan cabaran menghadapi dunia revolusi industri 4.0. Keperluan masyarakat terhadap insan yang sepadu, menghayati agama, berupaya menyelesaikan masalah masyarakat dan akhirnya dapat memimpin Negara adalah ciri-ciri insan yang beracukan Islam. Justeru itu seharusnya institusi tahfiz yang berada diseluruh Negara perlulah dibangunkan dengan menambah nilai-nilai pengukuhan tersebut.
3. Norliah Che Hassan et. al., (2017) menyatakan dalam kajiannya, bahawa institusi-institusi seperti sekolah-sekolah tahfiz, Madrasah-madrasah atau pondok- pondok tahfiz telah memainkan peranan yang sangat aktif dalam melahirkan para huffaz. Pelbagai usaha telah dibuat dalam membangunkan modal insan huffaz dan menyediakan sumber manusia berpendidikan tahfiz dan seterusnya membuka ruang kebolehpasaran pelajar-pelajar tahfiz dalam apa jua bidang pekerjaan sebagai satu daripada agenda penting pendidikan tinggi tahfiz sejajar dengan matlamat Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Kebolehpasaran Tahfiz pada masa kini telah menjadi satu isu penting negara yang perlu diberikan perhatian memandangkan bertambahnya minat pelajar ditambah lagi dengan sokongan secara langsung ibu bapa dan masyarakat dalam pendidikan anak-anak.
4. Menurut Zulkifli Mohd Yusoff et. al., (2018) menyatakan dalam artikelnya, trend masyarakat terhadap pendidikan tahfiz bahawa Institusi tahfiz yang telah wujud di Malaysia ditadbir oleh tiga pihak, sama ada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri yang sememangnya bertanggungjawab menguruskan hal ehwal agama Islam dan juga pihak swasta atau kumpulan persendirian.

Dari kajian-kajian di atas dapat dirumuskan bahawa kebolehpasaran huffaz dalam pelbagai bidang pekerjaan yang profesional perlu diselarikan dengan penambahbaikkkan dan pengukuhan terhadap proses pembelajaran dan pengajaran 'PdP' terhadap pelajar-pelajar tahfiz. Seterusnya berkait rapat dengan proses pembelajaran ialah, nilai dalam kurikulum, pengurusan dan pentadbiran institusi tahfiz. Oleh demikian merupakan antara perkara yang disebut oleh para pengkaji berkaitan perkara yang perlu ada terkait dengan kemajuan pembangunan instusi tahfiz serta sekaligus menjadikan para huffaz akan terjamin masa depan mereka.

## **Metodologi Kajian**

Kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis penulisan-penulisan ilmiah seperti artikel, jurnal dan kertas-kertas persidangan. Maklumat dan data yang diperolehi adalah berdasarkan sumber autoriti. Kemudian maklumat dan data tersebut diolah dan disimpulkan berdasarkan analisis kes yang diperolehi dengan melihat faktor-faktor yang dikaji.

## **Kebolehpasaran Aliran Tahfiz**

Kebolehpasaran merupakan keperluan pasaran profesional, semakin besar kemampuannya dalam menghadapi persaingan pasaran buruh yang hebat, seorang yang profesional perlu berusaha untuk menunjukkan nilainya, kelayakan dan keupayaan untuk menyumbang dengan berkesan dan dengan cara yang berbeza di hadapan profesional lain.

Dengan objektif untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, impak dari mana-mana program seumpama ini sangat perlu diukur dan dikaji demi kebaikan masa hadapan. Jika tidak, Malaysia akan terus menghadapi cabaran untuk mengenal pasti punca sebenar dan menangani permasalahan penempatan pekerjaan bagi golongan muda.

Kejayaan serta keberkesanan pelaksanaan sesuatu program pengajian di sesebuah IPTA dapat diukur menggunakan kebolehpasaran graduan melalui kerjaya yang dimiliki sejurus seorang graduan itu tamat pengajian. Status bekerja dan pekerjaan graduan menjadi jaminan hidup graduan yang telah melalui proses pembangunan modal insan semasa belajar bagi mengisi pelbagai jawatan yang diperlukan untuk negara.

Berikut merupakan perkara yang disebut oleh penyelidik-penyelidik berkaitan kebolehpasaran ialah:

1. Menurut Noorah Yusof & Zakiah Jamaluddin (2017) menyebut bahawa dari segi pembangunan modal manusia, peningkatan bilangan institusi pengajian tinggi ini merupakan satu petunjuk yang positif kerana ianya dapat memberi peluang yang lebih besar kepada penduduk untuk mendapatkan pendidikan dan seterusnya meningkatkan modal manusia dalam negara. Namun demikian, sekiranya peningkatan bilangan graduan tidak disertai dengan peluang pekerjaan yang selaras dengan kelulusan dan bidang pengajian, ianya boleh menimbulkan tanggapan bahawa pendidikan tinggi di sesebuah negara itu kurang berjaya dalam menghasilkan tenaga kerja yang sepadan dengan keperluan pasaran. Ini merupakan dilema yang dihadapi oleh kebanyakan negara membangun termasuk Malaysia apabila peningkatan dalam bilangan pelajar berpendidikan tinggi tidak dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan.
2. Dalam konteks dunia moden, semua pihak termasuklah kerajaan dan majikan di Malaysia sedia maklum mengenai peranan IPT (Institut Pengajian Tinggi) sebagai institusi terpenting untuk melahirkan modal insan yang cekap dan bertanggungjawab. Pandangan ini mempunyai rasional yang tersendiri. Ia menuntut IPT memainkan peranan yang holistik merangkumi pendidikan elemen kognitif, psikomotor dan efektif di kalangan mahasiswa (Abdul Karim Ali et al., 2014).
3. Memiliki kerjaya sejurus seorang graduan menamatkan pengajian di sesebuah pusat pengajian tinggi adalah salah satu ukuran kebolehpasaran siswazah. Status bekerja dan pekerjaan graduan adalah jaminan kelangsungan hidup mereka yang telah melalui proses pembangunan modal insan semasa belajar bagi mengisi pelbagai jawatan yang diperlukan

untuk pembangunan nasional (Shaharuddin Ahmad et. al., 2011).

4. Pelbagai program telah dicadang dan dijalankan oleh pihak kementerian dan IPT untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Antaranya adalah program pentauliahan profesional, finishing school, apprenticeship, latihan keusahawanan, latihan industri serta karnival kerjaya. Program-program tersebut memerlukan komitmen dari pelbagai pihak termasuklah pihak kementerian, IPT, pelajar serta industri. Tidak kurang juga kos yang ditanggung untuk menjayakan program berkaitan demi membantu para pelajar lebih bersedia untuk memasuki pasaranpekerjaan (Zul Hilmi bin Abdullah et. al., 2012).

Kebolehpasaran adalah bergantung kepada cara graduan mengenal pasti atau mengiktiraf masalah tersebut, melihat kemungkinan kekangan yang ada, mengenal pasti penglibatan peribadi dalam isu kebolehpasaran graduan yang dialami, sama ada mereka mempunyai pengetahuan terlebih dahulu atau pengalaman yang membimbing pertimbangan mereka mengenai isu ini dan tahap motivasi dalam menyelesaikan masalah ini (Norliana Hashim et. al., 2016).

## KESIMPULAN

Berdasarkan isu-isu yang timbul dari beberapa penulisan ilmiah dalam melihat keberadaan institusi pendidikan tahfiz semakin diperkasa dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor yang perlu dilihat semula dan ditambah baik untuk merealisasikan wawasan kerajaan dalam memperkasa institusi pengajian tahfiz. Antara faktor-faktor yang diberi keutamaan dan perhatian ialah dari segi pengurusan pentadbiran, sistem Pembelajaran dan Pengajaran (PdP), kemahiran penggunaan teknologi, sokongan ibu bapa pelajar dan masyarakat serta mewujudkan satu badan khas bagi mengawal selia pendidikan tahfiz.

Bertitik tolak dari kajian literatur yang dibaca, isu kebolehpasaran pelajar lulusan aliran tahfiz dapat dilihat bahawa, semua pihak dari pelajar-pelajar tahfiz, pihak madrasah, pusat, sekolah tahfiz swasta atau kerajaan perlu mengembeling tenaga bagi merealisasikan selaras dengan hasrat kerajaan, maka satu usaha bersepadu dari pihak pemerintah mahupun pengurusan institusi tahfiz perlu dijalankan bagi melihat sejauh mana pendidikan tahfiz Al-Quran di negeri Johor dalam merealisasikan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. (DPTN)

Pemeriksaan pendidikan dan pentadbiran tahfiz Al-Quran yang menyeluruh perlu dimartabatkan kepada setiap individu mahupun organisasi supaya Al-Quran itu tidak hanya sekadar menjadi perhiasan tulisan yang cantik atau dibaca semata-mata tetapi ia dipraktikkan dalam setiap jiwa manusia sekaligus memberi peluang untuk kebolehpasaran mereka dalam berbagai bidang dan kerjaya.

## Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. 2018. *Prospek dan Cabaran Institusi Tahfiz dalam Arus Pendidikan Perdana*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Multaqa Huffaz 2018 di Hotel Grand Darul Makmur Kuantan, Pahang. Anjuran Maahad Tahfiz Negeri Pahang pada 2 dan 3 Mei 2018.
- Abdul Karim Ali et. al. 2014. Transformasi Pengajian Tinggi Aliran Islam Sebagai Asas Pembangunan Modal Insan: Pengalaman APIUM. *Jurnal Hadhari*. 6 (2): 1-14.  
<http://www.bhplus.com.my/node/125144> (11 April 2020)
- <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/1112-irsyad-al-hadith-siri-ke-111-hafiz-al-quran-dipakaikan-makhkota-dan-dapat-memberi-syafaat-kepada-10-orang-ahli-keluarga> (11 April 2020)
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/483420/komited-lahirkan-huffaz-profesional> (11 April 2020)
- <https://www.ikim.gov.my/index.php/2019/08/06/kebolehpasaran-graduan-dalam-realiti-semasa/> (11 April 2020)



- <https://www.utusan.com.my/nasional/2018/02/pelajar-lepasan-sekolah-tahfiz-ditawar-lanjutkan-pengajian-tinggi-di-uitm/> (11 April 2020)
- <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/kerajaan-mahu-lahirkan-125000-huffaz-profesional/> (11 April 2020)
- Muriyah Abdullah, Abd Hafiz Abdullah, Arieff Salleh Rosman. 2015. Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. Seminar International Conference on Education and Social Entrepreneurship.
- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arieff Salleh & Mohd Faez Ilias. 2015. Strategi Awal Menghafaz Al-Quran Menurut Abu Dzar Al-Qalamuni. The 5th Annual International Quranic Conference 2015, University of Malaya.
- Noor Hisham Md Nawawi & Nasrun Hakim Salleh. 2017. *Pembinaan model pengajian tahfiz di Malaysia*. Online Journal of Islamic Education. 5(1): 1-11.
- Nooriah Yusof & Zakiah Jamaluddin. 2017. *Pembangunan Kebolehpasaran Siswazah: Tindakan Universiti dan Cabaran yang Dihadapi*. Jurnal Personalia Pelajar 20: 15-32
- Norliah Che Hassan, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Luqman Abd Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar. 2017. Minat murid yang mengikuti aliran Tahfiz dan bentuk sokongan yang diterima. *Journal Of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*. 1(2): 67-78 | [www.icohlcb.com](http://www.icohlcb.com) |
- Norliana Hashim, Chang Peng Kee & Mat Pauzi Abd. Rahman. 2016. Stops: mengungkap isu kebolehpasaran graduan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. 32 (2): 139-164.
- Rashidi Abbas. 2017. *Pengajaran Tahfiz Al-Quran Berbantuan Teknologi (Huffaz-M)*. Konvensyen Fiqh dan Teknologi 2.0.
- Rashidi Abbas. 2018. *Ke Arab Pengiktirafan Huffaz Di Malaysia*. Centre of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya & Darul Quran JAKIM.
- Shaharuddin Ahmad et. al. 2011. Kebolehpasaran Graduan UKM: Satu Kajian Perbandingan Antara Graduan Disiplin Sains dengan Bukan Sains, *Jurnal Personalia Pelajar*. 14: 81 – 90.
- Solahuddin Ismail. 2016. *Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Pembentangan Kertas Kerja Di Simposium Antarabangsa Tahfiz Sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran. Anjuran Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor pada 23-24 November 2016.
- Zul Hilmi bin Abdullah, Shaharuddin Ismail & Khairi Abdul Rahim. 2012. *Penggunaan Teknologi Maklumat Dalam Memacu Kebolehpasaran Graduan Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI)*. Regional Seminar on Islamic Higher Educational Institutions 2012 (SeIPTI 2012).
- \_\_\_\_\_. 2008. *Syarab Sunan Tirmizi Tubfatul Ahwadzi*. Pent: Isham Ash-Shabaithi. Cet 1. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Zulkifli Mohd Yakub Mohd Yusof, Ahmad Yussuf, Muhamad Alihanafiah Norasid, Selamat Amir, Adama Bamba, Mohd Zainuddin Wan Yusoff & Sukhari Sulaiman. 2016. *Memperkasa generasi pembafaz Al-Quran*. Darul Quran JAKIM & Center of Quranic Research, Universiti Malaysia.